

Pembangkang Kemuka Usul Tidak Percaya Untuk Singkir PM, Menteri Luar Thailand
Bernama
24 Januari, 2012

BANGKOK, 24 Jan (Bernama) -- Pembangkang, Parti Demokrat, mengemukakan usul tidak percaya bagi menyingkirkan Perdana Menteri dan Menteri Luar Thailand berikutan pengeluaran semula pasport kepada bekas perdana menteri Thaksin Shinawatra.

Dua anggota Parlimen Demokrat Wirat Kallayasiri dan Chaiwut Phongphaew memfailkan usul itu kepada Speaker Senat Teeradej Meepien di sini Selasa.

Usul itu dikemukakan terhadap Yingluck Shinawatra kerana beliau didakwa gagal membatalkan pasport yang dikeluarkan Kementerian Luar Thailand kepada abangnya.

Mereka mendakwa Menteri Luar Dr Surapong Tovichakchaikul mengeluarkan semula dokumen perjalanan itu meskipun Thaksin telah dihukum penjara dua tahun, tanpa kehadirannya, oleh Mahkamah Agung Thailand kerana kesalahan rasuah.

Thaksin, yang digulingkan dalam satu rampasan kuasa 19 Sept 2006, lari meninggalkan Thailand pada 2008 sebelum disabitkan dengan pertuduhan rasuah berkaitan pembelian sebidang tanah oleh isterinya di kawasan Ratchadaphisek.

Pasport Thaksin dibatalkan ketika kerajaan Thailand di bawah pimpinan Abhisit Vejjajiva.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641939>